

CNS1127

R CB 20-08 00070 BA678

aab

Mahathir - Gorbachev ''

SHAH ALAM, 20 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan mengikuti perkembangan di Soviet Union sebelum membuat sebarang keputusan mengenai hubungannya dengan negara itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini. +Kita akan mengawasi (keadaan),+ beliau memberitahu pemberita ketika diminta penjelasan taraf hubungan Malaysia dengan Soviet Union berikutan penyingkiran Presiden Mikhail Gorbachev semalam. -- Lagi

♥20/08/13-25MST

U GE 20-08 00168 BH101

aab

Mahathir - Gorbachev 2 Shah Alam

Perdana Menteri berkata negara-negara Carat sedikit sebanyak bertanggungjawab atas penyingkirannya Presiden Gorbachev kerana gagal memberi sokongan penuh kepada perubahan yang dilakukan oleh pemimpin Soviet itu.

+Pada satu tahap, Carat patut dipersalahkan kerana mereka lebih mahukan apa yang mereka panggil demokrasi, daripada membantu Soviet Union mendapat manfaat sistem pasaran bebas,+ katanya kepada pemberita selepas melancarkan +Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan+ di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sistem pasaran bebas tidak mudah dilaksanakan terutama bagi Soviet Union, yang telah berada di bawah pemerintahan komunis lebih 70 tahun.

Katanya Soviet Union pasti menghadapi masalah dalam bidang ini kerana mereka tidak mempunyai modal, kepakaran, pengurusan dan usahawan.

+Setiap orang berminat hanya mengambil sebanyak-banyaknya dari Russia bukan membantu memulihkan ekonominya.

+Oleh kerana ekonomi telah gagal di bawah sistem sekarang, ia memberi peluang dan alasan kepada pihak konservatif dan pelampau untuk berkuasa semula kerana kewibawaan Gorbachev sudah tidak ada,+ katanya. -- Lagi

♥20/08/15-06MST

CNS1195

U CB 20-08 00088 BH102

aab

Mahathir - Gorbachev 3 Shah Alam

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kuasa-kuasa Barat lebih berminat mengenakan pelbagai undang-undang bagi menggantikan sistem komunis daripada menolong Soviet Union manakala Gorbachev sendiri merendah'diri untuk cuba mengadakan hubungan rapat dengan mereka.

Memandangkan sambutan dingin Carat kepada Gorbachev, pihak di Soviet keciwa dan ini membawa kepada rampasan kuasa, katanya.

+Memandangkan Gorbachev begitu berani untuk menghapuskan sistem komunis, kuasa-kuasa Barat sepatutnya memberi bantuan penuh kepada Soviet Union,+ kata Perdana Menteri. -- Bernama

♥20/08/15-29MST

U CC 20-08 00076 BH120

aab

LEAD Mahathir - Gorbachev 3 Shah Alam''

Katanya Malaysia akan mengikuti perkembangan di Soviet Union sebelum membuat sebarang keputusan mengenai hubungannya dengan negara itu.

+Kita akan mengawasi (keadaan),+ kata beliau.

Malam tadi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika golongan penentang Presiden Gorbachev mengambilalih dan membawa corak kepimpinan lama, dikhuatiri ia akan menyebabkan pergolakan dalaman dan menjejaskan hubungan Soviet Union dengan negara-negara lain. -- Bernama